



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM IRIS *@jpw* (Menggantikan Klinik Perundangan)



Jabatan Pembangunan Wanita



JPWanita



jpwanita




JPWanita



InfoJPW



@jpwanita



Merujuk kepada singkatan
**PROGRAM LITERASI
PERUNDANGAN DAN
HAK WANITA**



BUNGA IRIS juga adalah simbol
kepada
harapan, kebijaksanaan,
komunikasi, dan keyakinan.

- Definisi literasi undang-undang bukan sahaja terletak dalam **konteks pengetahuan pengguna tetapi menjurus kepada pemahaman pengguna terhadap undang-undang** (McKimm, Kong & Smith, 2011)

PROGRAM IRIS @jpw

JPW telah melaksanakan program Klinik Undang-Undang bagi meningkatkan literasi undang-undang dalam kalangan wanita. Walaubagaimana pun, **Program IRIS @jpw** ini, akan menambahkan elemen pemahaman terhadap perihal penganiayaan terhadap wanita kesan yang signifikan terhadap kes yang berlaku (Webster, Pennay, Bricknall, Diemer, Flood, Powell, Politoff dan Ward, 2014)

KEPERLUAN PROGRAM IRIS @jpw

Berdasarkan kepada Handbook for National Action Plans on Violence Against Women (2012), **kebanyakan penganiayaan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut (pasangan wanita yang merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki) dan kebanyakan kes tidak dilaporkan.**

PENEKANAN TERHADAP PROGRAM

Mahani dan Maria (2015), usaha bersepadu perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita **terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan terhadap wanita.** Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita **hendaklah melibatkan setiap lapisan umum terutama lelaki.**

TUJUAN PENJENAMAAN

Penjenamaan semula ini adalah bertujuan memberi fokus **kepada kemudahan dari aspek perundangan dengan lebih jelas dan praktikal kepada wanita.**

Berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu pengetahuan mengenai hak individu dari aspek perundangan, saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan, diskriminasi dan ketidakadilan.

PENGISIAN PROGRAM IRIS @jpw

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Meliputi pendedahan berkaitan:

- Pengenalan terhadap AAGS
- Isu-isu berkaitan dengan AAGS

HAK WANITA DALAM PERKAHWINAN

Meliputi pendedahan berkaitan (syariah/ sivil/ adat):

- Undang-undang yang diguna pakai
- Tanggungjawab suami, isteri, anak- anak, ibu bapa dalam perkahwinan
- Hak wanita dalam pertunangan
- Perkahwinan
- Poligami
- Perceraian
- Serangan / Penderaan
- Saluran aduan/ bantuan

AKTA KEGANASAN RUMAHTANGGA

Meliputi pendedahan berkaitan:

- Keganasan rumah tangga
- Pengenalan kepada *Emergency Protection Order* (EPO), *Interim Protection Order* (IPO) dan *Protection Order* (PO)
- Pembubaran Perkahwinan
- Hak Penjagaan Anak
- Hak Harta Sepencarian
- Saluran aduan/ bantuan

LAIN-LAIN PERIHAL UNDANG-UNDANG

Pendedahan berkaitan hak-hak wanita dalam undang-undang selain dari apa yang dinyatakan dalam modul.

- Keperluan insuran diri dan keluarga
- Isu perundangan selepas kemalangan
- Hak pasangan/ isteri pada tuntutan berkaitan insuran, PERKESO, KWSP & khairat kematian.

Jangkaan Hasil

- Peserta akan mempunyai
- Mempunyai ilmu berkaitan perundangan
- Memahami aspek perundangan yang melindungi hak mereka
- Berani membuat laporan dan melakukan advokasi dalam komuniti

Impak Program :

- ✓ Meningkatkan literasi perundangan dalam komuniti khususnya wanita serta keberanian untuk membuat laporan.
- ✓ Melahirkan Skwad Waja yang juga menjadi agen dalam komuniti dalam memberi kesedaran mengenai perundangan dan hak wanita.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TERIMA KASIH



Jabatan Pembangunan Wanita



JPWanita



jpwanita



JPWanita



InfoJPW



@jpwanita